



29 MEI 2023



## Penempatan, kawasan cucuk tanam Orang Asli tidak diusik

TANAH MERAH - Penempatan dan kawasan bercucuk tanam Orang Asli di negeri ini tidak diusik. Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah berkata, kerajaan negeri mempunyai dasar yang jelas bagi menjaga dan melindungi hak komuniti itu.

"Jika berlaku kelulusan projek dan sebagainya tidak melibatkan dua kawasan tersebut selain tidak berbangkit isu tanah Orang Asli semakin mengecil.

"Ada lagi kawasan rayau, mengikut dasar seluruh hutan simpan ialah kawasan rayau bagi Orang Asli tanpa mengira luas mana sekali pun," katanya ketika ditemui di Majlis Penyampaian Geran Hak Milik Tanah Jajahan Tanah Merah di Gobek di sini pada Isnin.

Ujar Nik Amar, Orang Asli boleh memasuki ke mana-mana hutan tanpa perlu lesen berbanding kebiasaan yang perlu mendapatkan kebenaran pihak berkuasa.

Dalam pada itu, katanya, sebarang permohonan gazet sempadan tanah Orang Asli dibuat melalui pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan perlu melalui proses semakan oleh Pejabat Tanah dan Galian (PTG).

"Setakat ini, sudah ada permohonan yang diluluskan dan sebahagian dalam proses penilaian pihak PTG. "Semakan PTG perlu untuk melihat kawasan berkenaan sama ada sesuai atau bertindih," katanya.